



KUPASAN MUTU JAWAPAN

GEOGRAFI
2280/2

SPM
2014

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran : 2280/2
Bentuk Ujian : Ujian Subjektif
Markah Penuh : 100
Masa : 2 jam

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 terdiri daripada dua bahagian.

Bahagian A : Soalan Berbentuk Struktur
Bahagian B : Soalan Berbentuk Esei

Bahagian A mengandungi 7 soalan berbentuk struktur dan calon dikehendaki menjawab kesemua soalan.

Bahagian B mengandungi 4 soalan berbentuk esei dan calon dikehendaki menjawab tiga soalan sahaja.

PRESTASI KESELURUHAN

Jawapan calon secara keseluruhan mempamerkan prestasi yang sederhana. Segelintir calon dapat menggunakan istilah dan konsep geografi dengan baik dan tepat. Namun begitu, kebanyakan calon memberikan pernyataan umum.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Tinggi

Calon dapat menjawab semua soalan dalam bahagian A dan seterusnya menjawab 3 daripada 4 soalan daripada bahagian B. Terdapat juga calon yang menjawab 4 soalan dalam bahagian B.

Jawapan ditulis dengan sistematik dan kemas. Jawapan calon menunjukkan calon mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam Geografi. Calon memahami konsep yang digunakan. Kebanyakan jawapan adalah betul. Fakta yang diberikan adalah tepat dan relevan serta istilah yang digunakan adalah tepat.

Kumpulan Sederhana

Jawapan yang dikemukakan oleh calon bagi kumpulan ini menunjukkan pengetahuan yang sederhana dalam bahagian Kemahiran Geografi. Kualiti jawapan calon adalah pada tahap memuaskan. Jawapan yang diberi ringkas dan tanpa huraian. Terdapat juga calon dalam kumpulan ini yang cuba menulis huraian tetapi tidak menepati fakta yang sepatutnya. Laras bahasa yang digunakan tidak begitu tepat dengan kehendak peraturan pemarkahan. Terdapat juga jawapan yang berbentuk negatif. Calon keliru dalam menukar skala untuk mendapatkan jawapan bagi soalan berkaitan dengan jarak. Calon tidak mampu untuk mengaplikasikan kemahiran mengira dan kemahiran mentafsir peta serta menentukan lokasi di peta.

Kumpulan Rendah

Mutu jawapan yang dikemukakan amat rendah. Calon tidak menguasai kemahiran geografi peringkat rendah yang sangat penting seperti jarak, skala dan rujukan grid. Calon hanya dapat menjawab soalan yang ringkas dan mudah. Terdapat juga naskah jawapan yang menunjukkan sebahagian calon langsung tidak menjawab soalan.

PETUNJUK

CIRI BUATAN

JALAN RAYA

- Lebuhraya Kembar
- Lebuhraya Tunggal
- Jalan Raya Kembar
- Jalan Raya Tunggal
- Jalan Tidak Berturap
- Jalan Sedang Dibina
- Runut Kenderaan Bermotor
- Laluan Pejalan Kaki

JALAN KERETA API

- Kembar
- Tunggal
- Ringan

CIRI - CIRI BERKAITAN DENGAN JALAN RAYA DAN JALAN KERETA API


- Feri
- Batu Penanda Kilometer
- Pembetung
- Benteng/Pemotongan
- Jambatan Kereta Api
- 1. Jb. 2. Jk. 3. Jbs.
- Terowong
- 1. Stesen 2. Perhentian
- Lintasan Rata
- 1. Jalan Raya Atas 2. Jalan Raya Bawah

BANGUNAN

- Bandar dan Kawasan Tepubina
- Bangunan Di amkan
- Bangunan
- Masjid
- Gereja
- Tokong
- Kull
- Wat

SEMPADAN

- Antarabangsa
- Negeri
- Bahagian/Jajahan
- Daerah
- Daerah Kecil
- Mukim
- Rizab



1. Tiang Sempadan
2. Tiang Sempadan dan Stesen Trigonometri

LAIN-LAIN CIRI BUATAN DAN PELBAGAI BINAAN

- Talian Penghantar Elektrik
 - Talian Paip (Lain Dari Air)
 - Tembok Konkrit
 - Pagar
 - Padang Tembak
 - Padang Terbang
 - Perkuburan
 - Rumah Api dan Matarah Berapi
 - Tiang Radio
 - Ciri Arkeologi
 - Derik Minyak
 - Rig Minyak
 - Tangki Air
 - Kawasan Lombong
 - Kuari
 - Empangan
- TUMBUH - TUMBUHAN DAN TANAMAN**
- TUMBUH- TUMBUHAN**
- Hutan Primer
 - Belukar, Riang dan Huma
 - Rumput
 - Getah
 - Kelapa Sawit
 - Kelapa
 - Pelbagai Tanaman Pokok Baka
 - Pelbagai Tanaman Bukan Pokok Baka
 - Padi Sawah
- HIDROGRAFI**
- CIRI HIDROGRAFI SEMULAJADI**
- Sungai 1. Dua Garisan 2. Satu Garisan
 - Garisan Pantai Tentu
 - Garisan Pantai Tidak Tentu
 - Sungai Tidak Tentu
 - Sungai Bawah Tanah


Had Pasang Surut

- 1. Air Terjun 2. Jeram
 - 1. Pasir 2. Lumpur
 - Air Panas
 - Batuan
 - Paya
 - Tasik, Kolam dan Takungan Air
 - 1. Tentu 2. Tidak Tentu
- CIRI-CIRI HIDROGRAFI BUATAN**
- Jeti, Dermaga dan Tembok Gelombang
 - Terusan/Tali Air/Part
 - 1. Tali Paip Air 2. Kolam Air Bekalan
- RELIEF**
- Kontur
 - Garis Bentuk
 - Tebing Tinggi
 - Tanah Runtuh
 - Batu Bonjol
 - 2187 G. Tahan
 - Batu Aras
 - 953 Titik Tanda Tinggi (Meter)

SINGKATAN

- | | |
|--------|--------------------------------|
| B.P. | Balai Polis |
| Bkt. | Bukit |
| Disp. | Dispensari |
| Hosp. | Hospital |
| K. | Kuala |
| Kg. | Kampung |
| km | Kilometer |
| P. | Pulau |
| P. P. | Pondok Polis |
| Pt. | Perit |
| P.P.T. | Pejabat Pos dan Telekomunikasi |
| R.R. | Rumah Rehat |
| Sek. | Sekolah |
| Sg. | Sungai |
| S.K. | Stesen Kastam |
| T | Timur |
| T. A. | Tali Air |
| Tg. | Tanjung |
| Tik. | Teluk |
| U | Utara |
| W. P. | Wakil Pos |

Hakcipta Kerajaan Terpelihara
Kebeheranan Pengarah Pemetaan Negara, Malaysia, wajib didapati
sebelum peta ini atau sebahagian daripadanya disalin



CARA MEMBERI RUJUKAN DIATAS PETA INI SEHAMPIR 100 METER

TITIK CONTOH	Bkt. Mayang	
1. Lihat dahulu garisan grid TEGAK di sebelah kiri titik tersebut dan baca di jidar atas atau bawah angka yang BESAR yang tertulis bagi garisan grid itu. Taksirakan berapa persepuluh daripada garisan grid ke titik :	92	3
2. Lihat dahulu garisan grid DATAR di bawah titik tersebut dan baca di jidar kiri atau kanan angka yang BESAR yang tertulis bagi garisan grid itu. Taksirakan berapa persepuluh daripada garisan grid ke titik :	87	9
CONTOH	923	879

JUPEM 0445 - 2012

Soalan 1 hingga Soalan 5 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2014. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

- 1 (a) Anita adalah seorang guru yang tinggal di Kg. Botani (RG 936946), beliau bertugas di sekolah (RG 930911). Berapakah tambang teksi yang perlu Anita bayar untuk perjalanan pergi dan balik antara rumah dan sekolah tersebut sekiranya setiap 1 kilometer ialah RM0.50?

.....

Calon dikehendaki untuk mengukur jarak jalanraya dalam unit kilometer dan menukar kepada jarak relatif (RM).

RM2.00

.....

Jawapan menunjukkan calon tidak dapat menguasai kemahiran geografi untuk mengukur dan menukar skala dengan baik. Calon hanya mengukur jarak sehala sahaja dan tidak tahu menukar jarak mutlak ke jarak relatif (RM).

Soalan 1(b)

- (b) Setiap hari semasa pergi ke sekolah Anita terpaksa menempuh kesesakan lalu lintas. Di manakah lokasi kesesakan lalu lintas tersebut?

.....

Soalan berkehendakkan calon mengenal pasti lokasi berlakunya kesesakan lalu lintas di sepanjang laluan tersebut .

Bandar Anggerik Jaya

.....

Berdasarkan jawapan, calon dapat menentukan lokasi kesesakan jalanraya dengan tepat.

Soalan 1 (c)

(c) Berikan **dua** sebab lokasi di 1(b) mengalami kesesakan lalu lintas.

(i)

(ii)

Soalan memerlukan calon menyatakan dua sebab berlakunya kesesakan lalu lintas di lokasi yang dinyatakan dalam 1(b).

(i) .. kawasan pemukiman penduduk padat

(ii) .. jalan raya yang tidak mencukupi bagi menampung jumlah kenderaan

Jawapan menunjukkan calon dapat menyatakan faktor-faktor kesesakan lalu lintas dengan tepat. Calon dapat menerapkan pengalaman kehidupan sebenar dalam mengemukakan jawapan.

Soalan 1 (d)

(d) Cadangkan **dua** langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di lokasi yang anda nyatakan di 1(b).

(i)

(ii)

Calon dikehendaki menyatakan dua langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di lokasi yang dinyatakan di 1(b).

(i) .. membina lebih banyak jalan raya

(ii) .. melaksanakan kempen menggunakan kenderaan awam

Jawapan menunjukkan calon mampu menyatakan langkah-langkah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dengan tepat.

Soalan 2 (a)

2 (a) Apakah puncak tertinggi di dalam peta topografi tersebut?

.....

Calon diminta untuk menyatakan puncak tertinggi di dalam peta topografi.

Bukit Mayang

Puncak tertinggi dalam peta dapat dinyatakan dengan tepat oleh calon.

Soalan 2 (b)

(b) Nyatakan rujukan grid enam angka kedudukan puncak tertinggi tersebut.

.....


Dalam soalan ini calon dikehendaki menyatakan rujukan grid enam angka kedudukan puncak tertinggi tersebut.

RG 923 879

Calon dapat menentukan dan menyatakan rujukan grid enam angka dengan tepat.

Soalan 3

Soalan 3 berdasarkan segi empat grid berikut.



3 Sebuah syarikat pemaju perumahan berhasrat membina projek perumahan mewah dalam segi empat grid di atas. Mengapakah projek perumahan mewah di kawasan tersebut tidak wajar dilaksanakan?

- (i)
- (ii)
- (iii)


Calon dikehendaki menyatakan **sebab-sebab** projek perumahan mewah di dalam kawasan segiempat tersebut tidak wajar dilaksanakan.

- (i) akan menjejaskan kawasan tadahan hutan
- (ii) menyebabkan..... kawasan kehilangan kabita!
- (iii) menjejaskan..... kelestarian Plava dan Pava kawasan
- (iv) akan menyebabkan kejadian hakisan tanah

Aspek kemahiran mentafsir peta dapat dikuasai dan jawapan yang diberikan menunjukkan calon dapat memberi alasan implikasi projek perumahan mewah kawasan tersebut.

Soalan 4 (a)

Soalan 4 berdasarkan segi empat grid berikut.



4 (a) Mengapakah kawasan dalam segi empat grid di atas amat penting kepada penduduk sekitar?

(i)

(ii)

Soalan memerlukan calon menyatakan kepentingan kawasan dalam segiempat grid di atas kepada penduduk sekitar.

- (i) Kawasan tadahan air hujan
- (ii) Habitat pelbagai jenis hidupan liar
- (iii) Elak hakisan tanah kerana akar pokok cengkam tanah
- (iv) Kawasan eko-pelancongan yang sediakan peluang pekerjaan

Calon berupaya untuk mengemukakan kepentingan kawasan dalam segiempat grid tersebut kepada penduduk sekitar dengan tepat.

Soalan 4 (b)

- (b) Cadangkan **satu** kegiatan ekonomi yang tidak menjejaskan alam sekitar yang boleh dilaksanakan di kawasan segi empat grid tersebut.

.....

Calon diminta untuk mencadangkan **satu** kegiatan ekonomi yang tidak menjejaskan alam sekitar yang boleh dilaksanakan dalam kawasan segiempat grid yang diberikan.

Kegiatan eko-pelancangan

Jawapan di atas menunjukkan calon dapat menguasai kemahiran mentafsir peta dan dapat mencadangkan satu kegiatan ekonomi yang sesuai mengikut kehendak soalan.

Soalan 4 (c)

- (c) Kemukakan **dua** alasan kegiatan ekonomi yang anda nyatakan di 4(b) tidak menjejaskan alam sekitar.

(i)

(ii)

Calon dikehendaki mengemukakan **dua** alasan mengapa kegiatan ekonomi yang dinyatakan di 4(b) tidak menjejaskan alam sekitar.

(i) *Tidak mengganggu habitat.*

(ii) *Tidak melakukan pembinaan bangunan.*


(i) *Pertanian membebaskan oksigen melalui proses fotosintesis*

(ii) *Pertanian dapat menghalang hakisan tanah di kawasan cerun*

Berdasarkan jawapan, calon tidak dapat menyatakan alasan yang tepat bagaimana kegiatan ekonomi yang dicadangkan itu tidak menjejaskan alam sekitar.

Soalan 5

Soalan 5 berdasarkan segi empat grid berikut.



5 Mengapakah kawasan dalam segi empat grid di atas sesuai dibangunkan sebagai kawasan bandar baharu?

- (i)
- (ii)

Soalan ini mengkehendaki calon mengemukakan sebab kawasan dalam segiempat grid yang diberikan sesuai dibangunkan sebagai kawasan bandar baharu.

- (i) keadaan muka bumi tanah patah
- (ii) banyak jalan perhubungan
- (iii) mudah mendapat bekalan bahan mentah

Penyataan jawapan menunjukkan calon dapat menjelaskan faktor-faktor yang tepat mengapa kawasan dalam segiempat grid diberikan boleh dibangunkan sebagai kawasan bandar baharu.

Soalan 6 (a)




Foto 1

(b) Jelaskan **tiga** punca yang menyebabkan kualiti air di Sungai **B** seperti dalam foto di atas.

- (i)
- (ii)
- (iii)

Berdasarkan foto diberi, calon dikehendaki membandingkan kualiti air kedua-dua sungai tersebut.

- (i) Kualiti ^{air} sungai A sangat bersih
- (ii) Kualiti air Sungai B sangat kotor

Calon dapat membuat perbandingan dan mengemukakan jawapan dengan tepat berdasar foto yang diberi.

Soalan 6 (b)

(b) Jelaskan **tiga** punca yang menyebabkan kualiti air di Sungai **B** seperti dalam foto di atas.

- (i)
- (ii)
- (iii)

Calon dikehendaki menjelaskan **tiga** punca yang menyebabkan kualiti air sungai B (Malaysia) tercemar.

- (i) Pembuangan sampah ke dalam sungai
- (ii) Pembuangan sisa toksik ke dalam sungai
- (iii) Sistem ^{air} keumbahan yang tidak cekap

Jawapan yang diberikan adalah betul dan berfokus kepada kehendak soalan.

Soalan 6 (c)

(c) Jelaskan kesan kualiti air Sungai B kepada manusia dan alam sekitar.

- (i)
- (ii)

Calon diminta menjelaskan kesan kualiti air sungai B kepada manusia dan alam sekitar.

- (i) Sumber bekalan air bersih terjejas
- (ii) Habitat akuatik terancam

Jawapan dikemukakan tepat dan tertumpu kepada kesan kualiti air sungai B kepada manusia dan alam sekitar.

Soalan 6 (d)

(d) Bagaimanakah kualiti air sungai boleh dipertingkatkan untuk kepentingan manusia dan alam sekitar?

- (i)
- (ii)
- (iii)

Soalan ini memerlukan calon menyatakan langkah-langkah mempertingkat kualiti air sungai untuk kepentingan manusia dan alam sekitar.

- (i) Merawat semula air yang kotor
- (ii) Menggunakan perangkap sampah pada setrap sungai
- (iii) Mengadakan kempen kesedaran
Menguatkuasakan undang-undang

Respon yang diberikan calon menepati kehendak soalan dengan mengemukakan langkah-langkah yang sesuai bagi mempertingkatkan kualiti air sungai B untuk kepentingan manusia dan alam sekitar.

Soalan 7 (a)



Foto 2

7 (a) Nyatakan bentuk muka bumi dalam Foto 2.

.....

Calon dikehendaki menyatakan bentuk muka bumi dalam foto 2 yang diberikan.

Air terjun

Jawapan menunjukkan calon berupaya menyatakan bentuk muka bumi seperti yang dikehendaki soalan dengan betul.

Soalan 7 (b)

(b) Di peringkat sungai manakah terdapat bentuk muka bumi dalam Foto 2?

.....

Dalam soalan ini, calon dikehendaki mengenal pasti di peringkat mana terdapatnya bentuk muka bumi dalam foto yang diberikan.

Di peringkat bumi

Respon menunjukkan calon dapat menyatakan jawapan dengan tepat .

Soalan 7 (c)

(c) Kemukakan **dua** proses hakisan yang membentuk bentuk muka bumi tersebut.

(i)

(ii)

Soalan ini memerlukan calon mengemukakan **dua** proses hakisan yang membentuk muka bumi tersebut.

(i) Proses pemendapan

(ii) Proses pemecahan

Jawapan yang dikemukakan calon dapat mengemukakan dua proses hakisan yang dikehendaki soalan

Soalan 7 (d)

(d) Jelaskan kepentingan kawasan tersebut kepada alam sekitar dan manusia.

(i)

(ii)

Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan kawasan dalam foto yang diberi terhadap alam sekitar dan manusia

(i) sumber protein dan makanan kepada manusia

(ii) sumber air yang jernih dan habitat kepada hidupan akuatik.
sumber air kepada manusia.

Respon jawapan menunjukkan calon mampu menjelaskan kepentingan kawasan dalam foto kepada alam sekitar dan manusia.

Soalan 7 (e)

(e) Apakah tindakan manusia yang boleh menjejaskan ekosistem di kawasan tersebut?

(i)

(ii)

Soalan ini memerlukan calon mengemukakan tindakan manusia yang boleh menjejaskan ekosistem di kawasan dalam foto tersebut.

(i) membuang sampah sarap ke dalamnya

(ii) membuang sisa toksik dari kilang ke dalamnya

Jawapan yang dikemukakan calon tepat tentang tindakan manusia yang boleh menjejaskan ekosistem di kawasan tersebut.

Soalan 7 (f)

(f) Cadangkan **dua** langkah yang boleh dilaksanakan bagi memastikan kawasan tersebut tidak mengalami kemusnahan.

(i)

(ii)

Soalan ini memerlukan calon mencadangkan **dua** langkah yang boleh dilaksanakan bagi memastikan kawasan tersebut tidak mengalami kemusnahan.

(i) Mengadunkan undang-undang

(ii) Pendidikan alam sekitar

Jawapan menunjukkan calon mampu mencadangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan bagi memastikan kawasan tersebut tidak mengalami kemusnahan.

BAHAGIAN B:

Soalan 8(a)

- 8 Jadual 1 menunjukkan peratus struktur penduduk di Malaysia bagi tahun 1990 dan 2010.

Kumpulan Umur	Tahun	
	1990	2010
0 – 14	37.7 %	29.7 %
15 – 39	42.2 %	40.9 %
40 – 64	17.3 %	24.9 %
65 dan ke atas	2.8 %	4.5 %

Jadual 1

- (a) Berdasarkan Jadual 1, mengapakah berlakunya perbezaan peratus perubahan penduduk kumpulan umur 0 – 14 tahun antara tahun 1990 dan 2010?

Berdasarkan Jadual 1, calon dikehendaki menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan peratus perubahan penduduk kumpulan umur 0 – 14 tahun antara tahun 1990 dan 2010.

8 (a)	Terdapat beberapa sebab berlakunya perubahan tersebut. Antaranya ialah
	• Amalan perancangan keluarga yang diamalkan
	• Wanita berkejar kerana peluang pekerjaan luas
	• Wanita lebih gemar kahwin lewat menyebabkan kadar kesuburan rendah
	• Dasar governan gabak anak sedikit seperti '1 Child Policy' di China
	• Kos hidup meningkat dan taraf hidup tinggi menyebabkan keluarga tidak mampu mempunyai banyak anak
	• Ibu bapa yang terlalu sibuk bekerja dan enggan mempunyai anak kerana kesuntukan masa
	• Taraf pendidikan tinggi menyebabkan penduduk tahu menggunakan kondom dan pil oestrogen untuk tidak mempunyai anak
	• Kadar masalah sosial seperti seks bebas dapat dikawal dan anak luar nikah kurang menyebabkan peratusan kanak-kanak kurang

Berdasarkan jawapan, calon dapat memahami soalan dan dapat menganalisis data berdasarkan jadual diberi dengan baik serta memberikan faktor-faktor kadar kelahiran menurun dari tahun 1990 hingga tahun 2010.

Soalan 8(b)

- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi perubahan penduduk kumpulan umur 65 tahun dan ke atas antara tahun 1990 dan 2010.

Calon dikehendaki untuk menerangkan faktor yang mempengaruhi perubahan penduduk kumpulan umur 65 tahun dan ke atas antara 1990 dan 2010 berdasarkan Jadual 1.

(b)	Antara faktor mempengaruhi peningkatan penduduk umur atas 65 tahun ialah
	• Taraf kesihatan tinggi, dengan adanya lebih banyak kemudahan kesihatan seperti klinik dan hospital
	• Taraf pendidikan tinggi menyebabkan rakyat bijak menjaga kesihatan Pendidikan ini melalui akhbar mahupun pendidikan sivik di sekolah.
	• Penduduk yang mengamalkan gaya hidup sihat dengan bersenam di kawasan rekreasi yang disediakan oleh kerajaan. Contohnya, jogging di tasik
	• Penduduk mengamalkan pemalangan yang sihat kerana kesedaran melalui iklan yang disiarkan oleh kerajaan di televisyen.

Jawapan menunjukkan calon dapat memahami soalan dan dapat menganalisis data dengan baik serta memberikan faktor-faktor mengapa golongan warga tua semakin meningkat dari tahun 1990 hingga 2010.

Soalan 8(c)

- (c) Pada pendapat anda, wajarkah kerajaan Malaysia menghentikan pengambilan tenaga buruh asing untuk bekerja di Malaysia?

Kemukakan alasan anda.

Berdasarkan soalan ini, calon dikehendaki mengemukakan pendapat sama ada kerajaan Malaysia wajar menghentikan pengambilan tenaga buruh asing untuk bekerja di Malaysia atau sebaliknya.

- (c) Ya saya berpendapat ianya memang wajar bagi kerajaan Malaysia menghentikan pengambilan tenaga buruh asing untuk bekerja di Malaysia. Alasan saya ialah:
- Mengurangkan masalah pengangguran kebelakangan ini kerana penduduk tempatan perlu bersaing dengan warga asing kerana peluang pekerjaan terhad
 - Meningkatkan kemahiran dan kecekapan tenaga kerja tempatan melalui kerja dan latihan yang disediakan oleh majikan
 - Penduduk Malaysia yang akan maju dan taraf hidup akan meningkat kerana ada sumber pendapatan sekaligus menjadikan Malaysia taraf negara maju seperti Jepun
 - Mengurangkan kadar jenayah dan masalah sosial yang dilakukan oleh warga asing seperti kes rogol dan culik yang sering kali disiarkan di akhbar.
 - Mengurangkan masalah kawasan setinggan oleh warga asing ini kerana penduduk menjadi semakin padat kerana migrasi masuk buruh asing
 - Mengelakkan perpecahan yang disebabkan oleh buruh asing ini sekaligus galakkan perpaduan antara semua rakyat Malaysia tanpa beralasan asing
 - Mengurangkan pertukaran nilai mata wang asing yang dapat lemahkan ekonomi negara kerana buruh asing menghantar gaji mereka ke keluarga di negara asal
 - Memastikan bekalan makanan dan bahan mentah cukup untuk rakyat Malaysia dan tidak habis dan luput kerana terlalu ramai buruh asing

Jawapan yang diberikan menunjukkan calon dapat menyenaraikan fakta mengapa wajar atau tidak wajar untuk kerajaan mengurangkan pengambilan buruh asing ke Malaysia.

Soalan 8(d)

- (d) Cadangkan **empat** langkah yang sesuai untuk mengelakkan pergantungan kepada buruh asing bagi membangunkan ekonomi negara.

Soalan ini memerlukan calon mencadangkan **empat** langkah yang sesuai untuk mengelakkan pergantungan kepada buruh asing bagi membangunkan ekonomi negara.

(d)	Empat langkah yang saya cadangkan untuk elak pergantungan buruh asing ialah
	• Meningkatkan penggunaan teknologi seperti jentera dan mesin agar tenaga buruh asing yang terlalu ramai tidak diperlukan
	• Mengadakan kuota yang sedikit bagi majikan dan syarikat untuk mengambil buruh asing agar majikan tidak tamak walaupun kos upah buruh asing lebih murah
	• Meningkatkan taraf pendidikan agar dapat lahirkan generasi dan rakyat yang berkemahiran tinggi dalam pekerjaan dan tidak perlu import buruh asing
	• Menubuhkan agensi yang memberi latihan dan khidmat nasihat kepada pekerja tempatan agar lebih efisien dan cekap melaksanakan tugas
	• Mengadakan kempen 'anti-pengangguran' agar rakyat tidak malas bekerja dan bersifat memilih sehingga Malaysia terpaksa mengambil buruh asing untuk bekerja

Daripada jawapan yang diberikan menunjukkan kelemahan calon dalam mengemukakan jawapan kerana memberikan jawapan terlalu umum.

Soalan 9(a)

- 9 (a) Mengapakah Malaysia masih mengalami kekurangan bekalan air bersih, sedangkan negara ini menerima jumlah hujan tahunan melebihi 2000 mm?

Calon dikehendaki mengemukakan faktor-faktor yang menyebabkan Malaysia mengalami kekurangan air bersih walaupun menerima jumlah hujan tahunan melebihi 2000 mm.

9 a)	Sebab Malaysia masih mengalami kekurangan bekalan air bersih:
	Walaupun jumlah hujan tahunan Malaysia melebihi 2000 mm, Malaysia masih mengalami kekurangan bekalan air bersih kerana perkara-perkara yang berikut:
	i. Penggunaan yang tidak berhemah menyebabkan pembaziran air.
	ii. Paip air yang bocor serta tidak dibaiki menyebabkan air terbazir.
	iii. Pembuangan sampah domestik, seperti sisa makanan ke dalam sungai mengotorkan sungai dan menjadikan air yang bersih kotor serta tidak boleh digunakan.
	iv. Pembuangan sisa toksik ke dalam sungai menandakan bekalan air bersih.
	v. Penebangan hutan menghilangkan kawasan tadahan air hujan dan menjejaskan bekalan air bersih.
	vi. Sistem perparitan yang tidak sistematik.
	vii. Pembuangan sisa kumbahan ke dalam sungai.
	viii. Pembakaran bahan api fosil menyebabkan hujan asid dan bekalan air tidak sesuai.

Respon jawapan menunjukkan calon dapat memahami soalan dan mengemukakan faktor-faktor dengan tepat.

Soalan 9(b)

(b) Kemukakan **lima** langkah untuk mengatasi kekurangan sumber air bersih di Malaysia.

Calon diminta untuk mengemukakan **lima** langkah untuk mengatasi kekurangan sumber air bersih di Malaysia.

	b) Langkah bagi mengatasi kekurangan sumber air bersih di Malaysia ialah.	
	i) menjalankan kempen kesedaran penggunaan air di kalangan masyarakat bagi mengelakkan pembaziran.	
	ii) meningkatkan penanaman semula pokok di kawasan tadah hujan di kawasan tanah tinggi seperti di Cameron Highlands.	
	iii) menggantikan paip bawah tanah yang besar dengan paip baharu bagi mengelakkan pembaziran.	
	iv) membina empangan baru bagi menambahkan kapasiti pengeluaran air bersih seperti Empangan Langat 2.	
	v) menapis air yang tercemar bagi kegunaan industri dan pertanian seperti siraman pokok.	
	vi) membeli air dari luar negara seperti Thailand dan Indonesia.	
	vii) menjalankan pembenihan awan bagi membentuk hujan secara berkala di kawasan yang sesuai.	
	viii) catuan air dari kawasan yang mempunyai bekalan air bersih kepada yang kurang mempunyai bekalan air bersih seperti antara Selangor dan Negeri Sembilan.	
	ix) menggali telaga bagi mendapatkan bekalan air bersih dari akuifer bawah tanah.	

Jawapan menunjukkan calon memahami kehendak soalan dan boleh mengemukakan langkah-langkah yang tepat untuk mengatasi kekurangan sumber air bersih.

Soalan 9(c)

(c) Huraikan kesan pembinaan empangan terhadap alam sekitar.

Calon dikehendaki menghuraikan kesan pembinaan empangan terhadap alam sekitar.

c	Antara kesan pembinaan empangan terhadap alam sekitar ialah:
	i) perubahan landskap kerana terbentuknya tasik daripada kawasan hutan seperti Tasik Kenyir
	ii) menyebabkan hutan tenggelam kerana terbentuknya tasik kerana takungan air daripada empangan seperti Tasik Kenyir.
	iii) kehilangan pokok kayu yang berharga kerana ditenggelami air seperti cengal dan meranti.
	iv) kemusnahan flora dan fauna hutan asal kerana kehilangan habitat akibat ditenggelami air.
	v) kesinambungan ekosistem kawasan setempat terjejas, kerana rangkaian makanan yang terputus.
	vi) perubahan ekosistem hutan kepada ekosistem air tawar kerana terbentuknya tasik
	vii) kepupusan haiwan, dan tumbuh-tumbuhan kerana lemas ditenggelami air.

Jawapan dikemukakan menunjukkan calon memahami kehendak soalan dan mampu menghuraikan kesan-kesan pembinaan empangan terhadap alam sekitar.

Soalan 9(d)

(d) Mengapakah Malaysia berpotensi memajukan sumber tenaga solar?

Berdasarkan soalan ini, calon perlu menjelaskan mengapa Malaysia berpotensi memajukan sumber tenaga suria.

- 9 d) Sebab Malaysia berpotensi memajukan sumber tenaga solar
- Malaysia berpotensi memajukan sumber tenaga solar kerana
- i. Mendapat pancaran matahari yang terik sepanjang tahun
 - ii. Terdapat kawasan lapang yang luas dan rata yang membolehkan pancaran matahari meninar tanpa halangan.
 - iii. Terdapat teknologi yang maju kerana pemindahan teknologi daripada negara maju seperti Jepun.
 - iv. Wujudnya tenaga kerja yang mahir seperti para saintis yang boleh memajukan penggunaan sumber tenaga solar.
 - v. Terdapat penyelidikan dan pembangunan oleh pihak kerajaan.

Berdasarkan jawapan, calon dapat memberikan jawapan dengan baik dan memenuhi kehendak soalan.

Soalan 10(a)

- 10 Jadual 2 menunjukkan jumlah pengeluaran daging ternakan di Semenanjung Malaysia antara tahun 2004 hingga 2006.


Jenis Daging Ternakan (tan matrik)	Tahun		
	2004	2005	2006
Lembu	1 600	1 500	1 600
Ayam	10 000	4 000	5 000

Jadual 2

- (a) Berdasarkan Jadual 2, lukiskan sebuah graf bar yang menunjukkan jumlah pengeluaran daging ternakan di Semenanjung Malaysia antara tahun 2004 hingga tahun 2006 pada kertas graf di halaman 9. Gunakan skala 1cm mewakili 1 000 tan matrik.

Soalan meminta calon melukis graf bar menunjukkan jumlah pengeluaran daging ternakan di Semenanjung Malaysia antara tahun 2004 hingga 2006 berdasarkan Jadual 2 yang diberikan dengan menggunakan skala 1 cm mewakili 1 000 tan metrik di atas kertas graf yang disediakan.

Graf Jumlah Pengeluaran Dagang ternakan di Semenanjung Malaysia pada tahun 2004 hingga 2006.



Berdasarkan graf yang dilukis menunjukkan calon dapat menguasai kemahiran kartografi untuk melukis graf bar dengan tepat dan lengkap.

Soalan 10(b)

- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan kegiatan penternakan di Malaysia.

Soalan ini memerlukan calon menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kegiatan penternakan di Malaysia.

10	b) Faktor yang mempengaruhi perkembangan kegiatan penternakan di Malaysia ialah.
	i) kegiatan penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan baka yang lebih berkualiti dan cepat tumbuh oleh Lembaga Penternak Malaysia
	ii) dasar kerajaan yang menggalakkan aktiviti penternakan bagi mengurangkan import daging luar dengan pemberian subsidi
	iii) daging dari aktiviti penternakan merupakan sumber protein utama rakyat Malaysia
	iv) mempunyai pasaran yang luas kerana mendapat permintaan dari luar negara seperti Singapura dan Hong Kong.
	v) Khidmat nasihat dan latihan yang diberikan oleh Lembaga Penternak Malaysia bagi melahirkan penternak moden
	vi) Model yang besar bagi membuka kawasan penternakan yang baru daripada Bank Pertanian Malaysia.
	vii) Penggunaan jentera yang moden, bagi memudahkan penternak menguruskan jumlah haiwan yang lebih banyak.

Jawapan menunjukkan calon dapat menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kegiatan penternakan di Malaysia. Fakta yang diberikan dapat diterangkan dengan tepat dan jelas.

Soalan 10(c)

- (c) Jelaskan **empat** kepentingan kegiatan penternakan kepada pembangunan negara Malaysia.

Dalam soalan ini, calon perlu menjelaskan **empat** kepentingan kegiatan penternakan kepada pembangunan negara Malaysia.

- 10 c) Kepentingan kegiatan penternakan:
- Antara kepentingan kegiatan penternakan kepada pembangunan negara Malaysia adalah seperti yang berikut:
- i. Mewujudkan peluang pekerjaan sebagai penternak dan boleh mengurangkan kadar pengangguran.
 - ii. Menjadi sumber pendapatan negara dengan eksport daging ke negara seperti Singapura.
 - iii. Menggantikan kemasukan pelabur asing daripada negara seperti Australia.
 - iv. Membekalkan sumber makanan yang mencukupi untuk rakyat Malaysia dan dapat mengelakkan masalah kebukluran.
 - v. Menggalakkan aktiviti perindustrian, terutamanya industri mengetin makanan.

Respon yang diberikan menunjukkan calon dapat memahami kehendak soalan dan mampu menjelaskan kepentingan kegiatan penternakan kepada pembangunan negara Malaysia.

Soalan 11(a)


11 (a) Di atas Peta 1 di halaman 11, namakan:

- (i) Ibu negeri bertanda **P**
- (ii) Bandar sempadan bertanda **Q**
- (iii) Bandar diraja bertanda **R**
- (iv) Bandar pelabuhan sungai bertanda **S**

Berdasarkan kawasan yang bertanda dalam peta, calon dikehendaki menamakan bandar-bandar mengikut fungsi yang dinyatakan.

GEOGRAFI KERTAS 2

Peta 1 untuk Soalan No. 11(a) pada halaman 8
(Hendaklah diikat bersama-sama dengan buku jawapan)



Peta 1 : MALAYSIA

P	Alor setar , kedah
Q	Rantau Panjang , Kelantan

R	Kuantan , Pahang
S	Sibu , Sarawak

Jawapan calon kurang memuaskan. Calon tidak dapat menamakan bandar mengikut fungsi dengan tepat. Jawapan ini menunjukkan calon lemah dalam mengenalpasti lokasi bandar dan fungsinya.

Soalan 11(b)

(b) Jelaskan fungsi bandar satelit di Malaysia.

Berdasarkan soalan ini, calon dikehendaki menjelaskan fungsi bandar satelit di Malaysia.

11-b)	fungsi bandar satelit di Malaysia.
	- sistem perumahan terancang.
	- mengurangkan kesesakan dan kepadatan bandar lain.
	- mempunyai satelit
	- mengatasi masalah lebih penduduk.
	- bandar yang mempunyai kemudahan teknologi maklumat.

Jawapan menunjukkan calon tidak memahami konsep bandar satelit secara tepat. Mereka keliru dengan istilah satelit dalam telekomunikasi.

Soalan 11(c)

- (c) Terangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar baharu di Malaysia.

Soalan berkehendakkan calon menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar baharu di Malaysia.

11 (c)	Faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar baharu:
	Antara faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar baharu di Malaysia ialah:
i.	Pertumbuhan jaringan jalan raya seperti lebuh raya PLUS yang meningkatkan darjah ketersampaian dan mewujudkan bandar seperti bandar Senawang.
ii.	Aktiviti perindustrian yang pesat mewujudkan bandar seperti Bandar Baru Nilai.
iii.	Permintaan yang tinggi oleh penduduk yang padat untuk kawasan petempatan telah mewujudkan bandar baharu seperti Bandar Baru Bangi.
iv.	Dasar gvernans telah mewujudkan bandar baharu seperti Putrajaya yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran.
v.	Pertumbuhan sistem telekomunikasi telah mewujudkan bandar Cyberjaya.
vi.	Kawasan bandar seperti Kuala Lumpur sudah terlalu tepu pembangunannya.
vii.	Kos hidup yang tinggi di bandar menolak penduduk ke kawasan baharu.
viii.	Sistem pengangkutan yang cekap membolehkan penduduk yang bekerja di bandar menetap di bandar-bandar baharu seperti Seremban 2 yang terletak di pinggir bandar.
ix.	Dasar gvernans untuk kawasan luar bandar seperti Segi Teji Jengka.
x.	Pelaburan asing seperti pembangunan oleh Johor Corp di Iskandariah.
xi.	Aktiviti pelancongan yang pesat seperti di Desaru.

Kehendak soalan difahami dengan tepat. Calon dapat menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar baharu di Malaysia.

Soalan 11(d)

- (d) Terangkan langkah untuk membangunkan bandar baharu yang mesra alam sekitar.

Soalan ini memerlukan calon menerangkan langkah untuk membangunkan bandar baharu yang mesra alam sekitar.

11 d)	Langkah untuk membangunkan bandar baharu yang mesra alam sekitar
	Antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk membangunkan bandar baharu yang mesra alam sekitar ialah:
i.	Melancarkan kempen kesedaran seperti kempen 'Cintai Alam Sekitar' agar orang ramai melestarikan alam sekitar.
ii.	Mengimplimentasikan pendidikan alam sekitar di sekolah dengan subjek seperti geografi agar anak muda menghayati alam sekitar.
ii.	Melengkapkan bandar baharu dengan sistem pengangkutan awam yang mesra alam seperti transit aliran ringan (LRT)
iv.	Menggalakkan penggunaan petrol tanpa plumbum di bandar-bandar baharu.
v.	Menggiatkan penggunaan sumber alternatif seperti tenaga solar, di bandar-bandar baharu
vi.	Menguatkuasakan undang-undang dengan mendenda pihak-pihak yang mencemarkan alam sekitar.
vii.	Menggunakan kenderaan elektrik untuk mengelakkan pencemaran udara.
viii.	Menggalakkan perkongsian kenderaan di bandar-bandar baharu.

Jawapan menunjukkan calon memahami konsep bandar mesra alam dan dapat memberikan jawapan dengan tepat.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlu membahagikan masa yang betul untuk menjawab kedua-dua bahagian soalan dalam kertas ini. Calon perlu mengelakkan tumpuan yang lebih menjawab soalan peta (Bahagian A – Soalan nombor 1 hingga 5).
2. Calon perlu memperbanyakkan latihan dan ulangkaji terutama Bahagian B yang memerlukan pelajar mengembangkan isi jika berkemampuan.
3. Calon perlu memahami kehendak soalan sebelum menulis jawapan.
4. Calon perlu mempunyai glosari istilah geografi dan menggunakan istilah yang tepat dalam pembelajaran geografi.
5. Calon perlu peka dengan isu alam sekitar di samping pengetahuan geografi sedia ada. Ini akan membantu meningkatkan pemahaman terhadap proses pembelajaran geografi dan juga peperiksaan. Soalan 6 dan 7 sebagai contoh jelas mengutarakan isu semasa.
6. Koleksi soalan-soalan peperiksaan tahun-tahun terdahulu juga amat membantu calon membiasakan diri dengan kehendak/tugasan soalan, penggunaan istilah serta konsep geografi yang diguna pakai.
7. Calon perlu memperbanyakkan latihan pemetaan: mengenalpasti kawasan penting berkaitan sesuatu topik seperti bandar, pelabuhan, kawasan pertanian, penduduk padat / jarang penduduk.
8. Calon yang mengambil mata pelajaran Geografi digalakkan membaca bahan bacaan tambahan. Ini dapat menambah maklumat calon tentang perkara yang dipelajari di samping meningkatkan pemahaman terhadap pembelajaran.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru perlu membimbing pelajar untuk menguasai teknik menjawab dengan baik dan jelas.
2. Guru perlu mempunyai pengetahuan yang tinggi untuk menarik minat pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran.
3. Guru perlu sentiasa bersedia menghadapi pelbagai karenah pelajar dan menolong mereka semasa menghadapi sebarang kesulitan.
4. Guru perlu menggalakkan para pelajar geografi agar mempunyai buku glosari istilah geografi dan menggunakan istilah yang tepat dalam proses pengajaran dan pembelajaran geografi.
5. Guru perlu menganjurkan aktiviti dalam kurikulum atau kokurikulum yang boleh meningkatkan kepekaan pelajar terhadap isu alam sekitar di samping pengetahuan geografi sedia ada. Ini akan membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap proses pembelajaran geografi dan juga peperiksaan. Antara aktiviti yang dicadangkan ialah Hari Apresiasi Alam Sekitar, Buku Skrap, Pertandingan Membina Model dan sebagainya yang berkaitan.
6. Guru mata pelajaran/panitia geografi perlu mewujudkan sudut bacaan di kelas untuk menggalakkan para pelajar membaca bahan bacaan tambahan yang berunsur geografi. Ini dapat menambah maklumat calon tentang perkara yang dipelajari dan meningkatkan pemahaman terhadap pembelajaran serta minat.
7. Panitia Mata Pelajaran Geografi di sekolah wajib menyimpan koleksi soalan peperiksaan tahun-tahun terdahulu. Para pelajar perlu dibiasakan dengan kehendak/tugasan soalan, penggunaan istilah serta konsep geografi yang diguna pakai dalam soalan .
8. Para guru perlu memperbanyakkan latihan pemetaan iaitu mengenal pasti kawasan penting berkaitan sesuatu topik seperti bandar, pelabuhan, kawasan pertanian, penduduk padat/jarang penduduk. Jika dilihat soalan 8(a), kualiti jawapan calon amat lemah sedangkan bahagian ini sebenarnya boleh membantu calon memperoleh markah.